

**DINASIHATKAN BANYAK BEREHAT DAN MENGHADKAN  
BILANGAN PELAWAT - DR. C. FONSEKA**

# PM dijangka bertugas semula 6 minggu lagi

**KUALA LUMPUR 5 Feb.** — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang dibenarkan pulang ke rumah hari ini selepas menjalani rawatan pintasan koronari jantung di Hospital Besar di sini dijadualkan dapat menjalankan semula tugas rasminya enam minggu lagi.

Pengarah Hospital Besar Kuala Lumpur (HBKL), Datuk Dr. C. Fonseka memberitahu, Datuk Sri Dr. Mahathir dinasihati supaya banyak berehat dan menghadkan bilangan pelawat.

Bercakap kepada para pemberita, beliau berkata, para doktor akan memeriksa keadaan Perdana Menteri dalam tempoh enam minggu lagi dan beliau dijadualkan dapat menjalankan tugas rasminya selepas itu.

Datuk Dr. Fonseka menyatakan, para doktor yang menjalankan peme-

riksaan ke atas Perdana Menteri berpuas hati dengan kesihatan dan keadaan jantungnya.

Beliau menyifatkan Datuk Sri Dr. Mahathir sebagai pesakit contoh yang tidak banyak krenah.

"Kami berbangga kerana beliau memilih HBKL untuk menjalani pembedahan ini. Beliau telah menunjukkan kepercayaan kepada doktor-doktor kita," ujarnya.

Datuk Dr. Fonseka yakin lebih ramai orang kenamaan akan menjalani pembedahan yang sama di HBKL setelah Perdana Menteri menunjukkan contoh yang meyakinkan itu.

Tegasnya, ini merupakan kali pertama seorang Perdana Menteri meletakkan kepercayaan penuh kepada doktor-doktor tempatan untuk melakukan pembedahan pintasan koronari jantung.

Perdana Menteri meninggalkan wad orang kenamaan pada pukul 11 pagi diiringi oleh isterinya, Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah, adik iparnya bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Haji Ahmad Razali Mohd. Ali dan Menteri Kesihatan, Datuk Chan Siang Sun.

Terdahulu daripada itu, Imam Masjid Hospital Besar, Encik Radzmi Osman membacakan doa selamat.

Datuk Sri Dr. Mahathir, yang memakai bush jacket, berjabat tangan dengan kakitangan hospital di wad sebelum beredar ke lif hospital.

Ramai di kalangan doktor, jururawat dan atendan hospital menunggu Perdana Menteri di luar pintu masuk ke wad itu untuk mengucapkan selamat jalan.

Mereka juga mementang satu sepanduk yang berbunyi "Saudara Perdana Menteri. *We care for you.* Diiringi dengan kesejahteraan untukmu setiap masa dengan penuh kasih. Daripada semua kakitangan Hospital Besar Kuala Lumpur."

Sebelum masuk ke kereta rasminya, Perdana Menteri yang kelihatan bertambah sihat melambai-lambai kepada mereka yang hadir.

Setibanya di Seri Perdana, Datuk Sri Dr. Mahathir telah disambut oleh anggota-anggota keluarga dan sanak-saudara.

Beliau menjalani pembedahan pada 24 Januari lalu yang dilakukan oleh pakar-pakar bedah jantung, terdiri daripada Dr. Yahya Awang dan Dr. Rozali Wathooth.

Turut membantu ialah pakar bius, Datuk Dr. S. kadha Krishna.

Perdana Menteri dimasukkan ke HBKL kira-kira jam 1 pagi pada 18 Januari lalu selepas mengadu sakit dada.

Ujian-ujian yang dijalankan menunjukkan kesakitan yang dialaminya disebabkan 'ischæmia kecil bahagian hadapan otot jantung.'

Ischaemia ialah bekalan darah yang tidak cukup ke sesuatu organ atau bahagian seperti disebabkan oleh sekatan pengaliran darah.

Pembedahan pintasan koronari yang dilakukan ke atas Datuk Sri Dr. Mahathir meruapkan pembedahan jantung terbuka.